

Bengkel Orator@E UMS beri pendedahan ilmu debat dan pidato

Membentuk jatidiri mahasiswa

UB 05.05.2012 B4

Oleh SITI AISYAH NARUDIN
aisyahub@gmail.com

SELEPAS kejayaan penganjuran siri pertamanya tahun lepas, Kelab Seni Orator@E, Kolej Kediaman E, Universiti Malaysia Sabah (UMS) sekali lagi menganjurkan Bengkel Orator@E Siri II baru-baru ini yang merangkumi empat slot utama.

Pengarah Program, Mohd Alid Herman berkata, slot berkenaan merangkumi bidang pengacaraan majlis, pantun dan sajak, pidato dan debat serta forum.

Menurutnya, bengkel berbentuk kemahiran insaniah itu bertujuan melahirkan mahasiswa yang berkeyakinan, bersahsiah, dan mempunyai perwatakan menarik.

Selain itu katanya, ia juga membentuk pelajar yang bertatasusila, kreatif, kritis dan berinovasi disamping mengenal potensi diri.

"Seramai 80 orang pelajar daripada pelbagai kursus menyertai bengkel ini dan mereka berpeluang berkongsi



AJK pelaksana, Derrick Tanggapan (kanan) ketika menyerahkan cenderahati kepada Syahrhan pada majlis penutupan program berkenaan.

serta majlis yang dikendalikan," katanya kepada *Utusan Borneo* di sini kelmarin.

Beliau berkata, menerusi slot debat dan pidato, pihaknya turut menjemput Ahli Majlis Debat Universiti Malaya (Madum), Dr. Yasmin Ooi yang berpengalaman luas dalam bidang perdebatan dan pidato.

Mohd Alid berkata, para peserta bukan setakat memperoleh banyak pengetahuan daripada bengkel berkenaan, malah dapat mempraktikkannya.

Salah seorang peserta, Rosliana Kandare, 22, pelajar Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE) berpendapat, bengkel seperti itu dapat memberi pengalaman berguna kepada peserta.

"Bagi mereka yang mempunyai minat dalam bidang debat dan pidato perlu menerima pendedahan dengan mengikuti kursus seumpama ini.

"Ia bukan sahaja dapat memperluaskan pengetahuan diri, tetapi juga menambahkan keyakinan dan kebolehan

banyak pengalaman dan pengetahuan daripada penceramah yang terlibat.

"Sebagai contoh, melalui slot pengacaraan majlis, penceramahnya, Hajah Azizah

Itam berkongsi tentang bagaimana menjadi seorang pengacaraan majlis yang baik.

"Para peserta juga ditekankan mengenai penyusunan teks pengacaraan

masing-masing dalam mempraktikkan ilmu debat dan pidato yang dipelajari," katanya.

Roslina turut berharap bengkel berkenaan dapat dilaksanakan pada setiap semester dengan skop ilmiah yang lebih meluas.

Majlis perasmian penutupan bengkel itu disempurnakan oleh Penolong Pengurus Asrama yang mewakili Pengetua Kolej E, Syahrhan Hassan.

Syahrhan dalam ucapannya berkata, setiap hasil yang diperolehi daripada bengkel itu seharusnya diterjemahkan ke dalam buku.

Katanya, kejayaan program itu adalah hasil kerjasama dan sokongan semua pihak terutamanya Jabatan Hal-Ehwal Pelajar (JHEP) dan pelajar Kolej Kediaman E.



PARA peserta ketika mendaftar.



SALAH satu aktiviti latihan dalam kumpulan.



SEBAHAGIAN peserta yang menyertai bengkel orator itu.